



**UNTUK SIARAN  
SEGERA**

## **SIARAN MEDIA**

**GLOMAC BERHAD CATAT KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SEBANYAK  
RM21.4 JUTA, PENINGKATAN 65% UNTUK SUKU KETIGA TK2025,  
DISOKONG PENDAPATAN KUMPULAN BERNILAI RM163.4 JUTA**

*Kemampuan Kewangan Pacu Aktiviti-Aktiviti Pembangunan Masa Hadapan*

**Kuala Lumpur, 26 Mac 2025:** Glomac Berhad (“Glomac” atau “Kumpulan”), pemaju hartanah yang telah memenangi berbilang anugerah bagi pelbagai pembangunan di Kuala Lumpur Raya, Selangor dan Johor, mengumumkan pendapatan kewangan untuk suku tahun ketiga yang berakhir pada 30 April 2025 (“S3 TK2025”). Kumpulan mencatatkan pendapatan tidak diaudit sebanyak RM33.7 juta dan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) sebanyak RM3.3 juta pada S3 TK2025.

Pada sembilan bulan pertama tahun kewangan berakhir 30 April 2025 (“9M TK2025”), Glomac melaporkan hasil sebanyak RM163.4 juta, didorong oleh aktiviti pembinaan yang berterusan, termasuk Saujana Perdana dan hasil daripada dua pembangunan kediaman bertingkat tinggi, iaitu 121 Residences serta Plaza@Kelana Jaya. Keuntungan sebelum cukai telah meningkat sebanyak 65% kepada RM21.4 juta daripada RM13.0 juta pada “9M TK2024”, didorong oleh margin keuntungan yang lebih kukuh, hasil daripada campuran produk yang tepat dengan pembangunan margin yang lebih tinggi, serta keuntungan yang didapati daripada pelupusan hartanah pelaburan, dan pengurangan kos kewangan.

Glomac terus mengekalkan kedudukannya yang kukuh, dengan nisbah hutang bersih tidak ketara sebanyak 0.03, serta turut disokong oleh ekuiti pemegang saham sebanyak RM1,198.5 juta. Setakat Januari 2025, wang tunai

dan deposit kekal kukuh pada RM248.0 juta, memastikan terdapat kecairan yang mencukupi untuk menyokong inisiatif pembangunan yang berterusan. Selain itu, nilai aset bersih sesaham Glomac berada pada RM1.56, menggambarkan kadar nisbah harga kepada buku dalam anggaran 0.23 kali.

Semasa tempoh semakan penggal, Glomac telah berjaya melancarkan fasa baharu pejabat kedai di Saujana Perdana, dengan jumlah anggaran Nilai Pembangunan Kasar ("GDV") sebanyak RM125 juta. Sambutan adalah amat memberangsangkan dengan hampir 60% unit terjual setakat akhir Januari 2025. Fasa komersil terbaharu ini dibina berdasarkan kejayaan fasa awalnya yang terdiri daripada 81 pejabat kedai yang mempunyai GDV gabungan sebanyak RM71 juta dan ianya telah dijual sepenuhnya pada awal tahun 2024. Sehubungan dengan itu, Glomac turut memperkenalkan fasa pertama rumah teres dua tingkat di Serai@SBCR pada Ogos 2024. Projek ini meraih sambutan menggalakkan dengan pencapaian jualan hampir penuh dalam jangkamasa tiga bulan. Pencapaian seperti ini memperlihatkan keteguhan reputasi Glomac dan kepakarannya dalam menawarkan pembangunan hartanah berkualiti tinggi di pasaran, adalah diakui sejajar dengan kehendak pembeli.

Bagi projek-projek yang akan datang, Glomac mensasarkan pembangunan fasa kediaman baharu di dalam perbandaran yang telah sedia ditubuhkan, termasuk Lakeside Residences, Saujana KLIA, dan Saujana Jaya di Kulai, Johor dengan anggaran GDV secara kolektifnya sebanyak RM298 juta.

Kedudukan kewangan Glomac kekal kukuh untuk memacu aktiviti pembangunan masa depan, disokong oleh kedudukan wang tunai dan nisbah hutang bersih tidak ketara yang stabil. Selain itu, Glomac telah mengukuhkan struktur modalnya melalui Program Sukuk Wakalah, yang menyediakan kapasiti pembiayaan sehingga RM3.0 bilion. Dengan simpanan tanah (*landbank*) yang terletak di kawasan strategik bagi pembangunan masa hadapan dengan anggaran GDV melebihi RM7 bilion, Glomac terus bersedia untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan sedia ada dalam mengembangkan lagi pembangunan projek-projek hartanahnya.

**GLOMAC BERHAD**  
**26 March 2025**

**Hubungi Kami:**

Jabatan Kumpulan Komunikasi Korporat

[gccm@glomac.com.my](mailto:gccm@glomac.com.my)

---

**Glomac Berhad**

Sejak 1995, Glomac adalah sinonim dengan projek hartanah yang bernilai tinggi dengan rekabentuk tersendiri. Sebagai pemaju hartanah yang telah memenangi pelbagai anugerah projek pembangunan di KL, Selangor dan Johor, kami menawarkan produk perumahan bertingkat (high-rise), atas tanah (landed) serta unit komersil sebagai pilihan terbaik untuk tujuan dijadikan kediaman serta pelaburan. Glomac Berhad berhasrat untuk terus menawarkan rumah mampu milik bagi bakal pembeli dan keluarga mereka dengan mengutamakan ciri-ciri keselesaan, keselamatan dan kemudahan pemilik rumah.